

# DAP sambut baik pertemuan PM, Pope

BH 23 MAY 20

GEORGETOWN, Selasa - DAP hari ini turut menyokong pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di Vatican City, bulan depan.

Parti itu juga menyambut baik langkah Pas menyokong pertemuan itu sambil menyifatkan kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, semalam, sebagai sesuatu yang betul.

Timbalan Pengerusi DAP Kebangsaan, Karpal Singh, berkata Pas kini sudah menunjukkan kematangan dan kebijaksanaan berpolitik apabila mengalu-alukan pertemuan itu.

Karpal berkata, DAP juga mengalu-alukan pertemuan Perdana Menteri dengan ketua gereja Roman Katholik itu.

"Ketua semua agama di dunia sepatutnya berhubungan di antara satu sama lain untuk kepentingan kemanusiaan dan ia haruslah mengatasi kepentingan politik," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Laporan akhbar hari ini memetik Nik Aziz sebagai menyokong pertemuan itu sambil berharap ia adalah peluang yang perlu digunakan untuk menjelaskan pelbagai isu mengenai Islam.

Laporan itu juga menyebut Nik Aziz sebagai berkata, dalam Islam tidak ada larangan bagi pemimpinnya untuk menemui mana-mana ketua agama lain.

Kata Nik Aziz, beliau sendiri pernah mengadakan lawatan ke kuil Buddha selepas dilantik menjadi menteri besar.